

Menjadikan buku kanak-kanak diminati

U.M 28/05/07 M/S 11

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH
(WARTAWAN UTUSAN)

SETIAP kali menatap buku kanak-kanak karya Roald Dahl seperti *The BFG* (1982); *The Witches* (1983); *The Giraffe and the Pelly and Me* (1985); *Matilda* (1988) dan *Ah, Sweet Mystery of Life: The Contry Stories of Roald Dahl* (1989), akui sahaja, kita menjadi terpaku.

Kita bukan sahaja seronok, teruja untuk menghabiskan pembacaan, fikiran kita turut melekat pada selok-belok penceritaan dalam buku itu, selain terpicat dengan ilustrasinya.

Hal ini barangkali membawa pula kepada perbandingan dengan buku tempatan. Bagaimana agaknya keadaan rupa bentuk buku sastera kanak-kanak kita?

Bukan kita tiada karya yang bermutu, menarik atau memberangsangkan. Kita memiliki *Stories from Sarawak* oleh Heidi Munan terbitan Utusan Publications & Distributors (UP&D) dan *The Malaysian Legend Stories Series* oleh Kohwai & Young Creative Team. Lebih daripada itu, baru-baru ini buku puisi kanak-kanak hasil karya Khatijah Hashim berjudul *Semberak Puisi* dicalonkan oleh Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) bagi menyertai Anugerah Utama 2006 anjuran *International Board on Books for Young People* (IBBY). Buku ini juga sangat menarik dan boleh dibanggakan.

Selain itu, apa yang boleh dikatakan, kita

tidak kekurangan dari segi kuantiti buku kanak-kanak tetapi minimum dari segi variasi judul.

"Ini patut ditingkatkan. Misalnya, dalam buku kanak-kanak terdapat kategori seperti buku prasekolah, cerita rakyat, cerita moden, buku informasi, puisi, bergambar, agama, nyanyian, huruf, konsep dan banyak lagi. Jenis buku perlu diperbanyakkan variasinya menjadi pelbagai kegunaan lebih-lebih lagi dalam mendidik kanak-kanak dari segi pengetahuan, moral, kreativiti, emosi, etika dan budaya," kata penyelidik buku yang juga Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM), Prof. Madya Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak dalam satu pertemuan dengan *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Bidang penyelidikannya tidak sahaja tertumpu pada buku sastera kanak-kanak tetapi turut merangkumi buku teks serta amalan penggunaan dan persepsi tentang buku fiksiyen serta bukan fiksiyen.

Mengapa memilih bidang penyelidikan?

"Apa-apa bidang yang inginkan kemajuan, penyelidikan mesti giat dijalankan. Tanpa penyelidikan, pemeriksaan dan penelitian, kita tidak akan tahu bagaimana keadaan sebenarnya buku kanak-kanak itu.

"Kita barangkali tertanya berapa banyakkah judul diterbitkan setiap tahun? Apakah kategori yang banyak dan kurang diterbitkan? Bagaimana kualiti buku kanak-kanak tempatan dahulu dan sekarang? Siapa penulis ilustrator buku kanak-kanak di negara ini, apakah ada peluang dan cabaran

untuk mereka," ujar beliau.

Maka jawapan kepada semua persoalan itu sudah pasti diperoleh menerusi penyelidikan.

Seperkara lagi, industri perbukuan di negara ini telah bergerak agak pantas dan ke hadapan, maka bidang penyelidikan juga wajar digerak dan dihidupkan.

Ditanya masalah buku kanak-kanak tempatan, beliau yang menulis buku *Perkembangan Sastera Kanak-Kanak di Malaysia - Buku Melayu Mencari Nafas Baru* (2005) berkata, jumlahnya agak banyak, penerbitannya turut memberangsangkan tetapi barangkali tidak salah dikatakan ia kurang kreatif.

Kreatif di sini merangkumi dari segi kandungan, penulisan, persembahan ilustrasi dan persembahan fizikalnya. Mengambil kira hal tersebut, beliau meminta supaya perkara ini dipertimbangkan. Membaca pada masa ini mungkin bukan lagi satu pengalaman yang sama sebagaimana dahulu, terutama dengan adanya buku berbentuk multimedia dan bahan-bahan audio visual.

Senario ini turut meresapi dan terkena tempiasnya kepada kanak-kanak.

Kanak-kanak kini berdepan dengan pelbagai media yang didominasi visual. Justeru, buku perlu diketengahkan dengan cara yang kreatif dan imaginatif agar dapat terus menarik perhatian kanak-kanak.

Tambahan pula, kanak-kanak sekarang mempunyai cita rasa dan kebolehan berfikir yang semakin tinggi sebagai kesan daripada pelbagai faktor persekitaran, ka-

tanya. Semua itu terhasil daripada penyelidikan ke atas buku kanak-kanak.

Sementara itu, katanya, penulis dan penerbit buku kanak-kanak kebanyakannya kurang 'melayan' kanak-kanak secara serius sepertimana orang dewasa.

Bagaimana boleh dikatakan mereka melayan kanak-kanak ini secara serius jika buku untuk mereka ini tidak diberi perhatian dari segi keperluan, cita rasa, aspirasi, kerehan dan sikap ingin tahu mereka.

"Itu juga bermakna buku kanak-kanak mesti mempunyai kualiti yang tinggi untuk mengisi keperluan tersebut.

"Dan ini juga bererti penulis, penyunting, ilustrator dan penerbit buku kanak-kanak menghadapi cabaran yang lebih besar dalam pengkaryaan mereka untuk menarik perhatian kanak-kanak," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut katanya, karyawan buku kanak-kanak mesti berupaya mewujudkan hubungan yang istimewa untuk menarik perhatian kanak-kanak. Dan hubungan tersebut seharusnya berbentuk peribadi yang tulen; bukan dibuat-buat atau dipaksa-paksa.

Dalam hal ini, bolehkah buku yang bukan menggambarkan dunia sebenar kanak-kanak dianggap memiliki hubungan istimewa golongan itu dan penulisnya?

Sudah pasti kanak-kanak tidak dapat menghayati karya itu jika ia tidak menggambarkan keadaan mereka yang sebenarnya, justeru yang terhasil bukan keseronokan bahkan jemu dan bosan pula akan timbul.